

## **PEKELILING JABATAN PENDAFTAR**



**RUJUKAN KAMI** : **UniMAP/PEND/101/2-6(4)**

**TARIKH** : **17 JANUARI 2012**

---

### **PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2012**

#### **MAKLUMAN HARI KELEPASAN AM BAGI TAHUN 2012**

---

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Staf dan Pelajar Universiti Malaysia Perlis mengenai Hari Kelepasan Am Bagi Tahun 2012.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

Bagi memastikan pengurusan organisasi dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan, semua staf dan pelajar perlu peka akan tarikh-tarikh hari kelepasan am yang telah ditetapkan. Jadual hari kelepasan am ini berpandukan kepada Jadual Kelepasan Am Persekutuan 2012 dan Jadual Hari Kelepasan Am Negeri 2012 yang dikeluarkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan Dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

#### **3.0 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan jika mana-mana hari kelepasan am itu jatuh pada hari kelepasan mingguan atau kelepasan yang lain, maka hari tersebut hendaklah digantikan dengan hari esoknya dan jika hari esoknya itu pula sedia menjadi hari kelepasan, maka hari berikutnya pula

hendaklah dijadikan hari kelepasan am. Jika hari kelepasan itu jatuh pada hari Sabtu, maka tiada cuti ganti baginya.

#### **4.0 KALENDER CUTI KELEPASAN AM BAGI TAHUN 2012**

Butiran makluman cuti adalah seperti di Lampiran 1.

#### **5.0 TARIKH KUATKUASA**

Tarikh kuatkuasa Hari Kelepasan Am 2012 adalah mulai 1 Januari 2012 dan akan tamat pada 31 Disember 2012.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**‘Lonjakkan Komitmen, Lonjakkan Prestasi’**

**(ZUBER HAJI MOHAMAD)**

Timbalan Pendaftar

- s.k**    Naib Canselor  
         Semua Timbalan Naib Canselor  
         Bendahari  
         Pustakawan  
         Semua Ketua Jabatan/Dekan

## **Lampiran 1**

### **HARI KELEPASAN AM TAHUN 2012**

HARI KELEPASAN AM	TARIKH	HARI
Tahun Baru Cina	23 Januari	Isnin
Tahun Baru Cina (Hari Kedua)	24 Januari	Selasa
Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W (Maulidur Rasul)	5 Februari	Ahad
Hari Pekerja	1 Mei	Selasa
Hari Wesak	5 Mei	Sabtu
Hari Keputeraan D.Y.M.M Tuanku Raja Perlis	17 Mei	Khamis
Hari Keputeraan D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong	2 Jun	Sabtu
Israk dan Mikraj	17 Jun	Ahad
Nuzul Al-Quran	6 Ogos	Isnin
Hari Raya Puasa*	19 Ogos	Ahad
Hari Raya Puasa (Hari Kedua)*	20 Ogos	Isnin
Hari Kebangsaan	31 Ogos	Jumaat
Hari Malaysia	16 September	Ahad
Hari Raya Kurban*	26 Oktober	Jumaat
Hari Raya Kurban (Hari Kedua)*	27 Oktober	Sabtu
Hari Deepavali*	13 November	Selasa
Awal Muharram (Maal Hijrah) 1434 Hijrah	15 November	Khamis
Hari Krismas	25 Disember	Selasa

### **CATATAN**

\*TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN